



KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

KERTAS KONSULTASI

**CADANGAN DASAR TELEVISION RECEIVE ONLY (TVRO) DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

1.0 Pengenalan

- 1.1 Memang tidak dapat dinafikan bahawa di zaman yang serba canggih ini pelbagai jenis media telah dihasilkan. Sebelum ini media hanya ditumpukan kepada bahan-bahan bertulis seperti surat khabar, buku-buku, majalah-majalah dan media yang berbentuk audio-audio visual seperti televisyen dan radio. Dengan perubahan teknologi yang amat pesat, skop media dan penyiaran telah berkembang, merangkumi pelbagai alat seperti Internet, teknologi info-komunikasi, multimedia malahan juga teknologi satelit.
- 1.2 Mesej-mesej atau maklumat dapat disampaikan dan diakses dengan sekelip mata, mudah dan terbuka tanpa mengira sempadan dan ruang angkasa. Peranan media, baik media cetak mahupun media elektronik bukan sahaja untuk menyebarkan maklumat dan fakta, data dan laporan tetapi juga untuk membentuk pendapat dan fikiran umum, mempengaruhi, mendidik serta meningkatkan tahap fikiran, nilai hidup yang baik dan mensejahterakan masyarakat. Namun demikian, kesan daripada media cetak dan media elektronik dalam kehidupan sekarang dan dunia sejagat adalah sangat mencabar.
- 1.3 Media mempunyai nilai yang sangat positif dalam perkembangan kehidupan manusia, walaubagaimanapun ianya juga boleh digunakan sebagai alat untuk menyalurkan unsur-unsur negatif.
- 1.4 Media elektronik iaitu televisyen merupakan media yang menjadi “favorite” semua lapisan masyarakat dari peringkat kanak-kanak, remaja, belia dan warga tua. Televisyen memaparkan banyak perkara seperti politik, ekonomi, sosial, sukan dan hiburan.
- 1.5 Hasil daripada maklumat yang diperolehi oleh AITI melalui AITI Brunei Darussalam ICT Survey, sebanyak 99.6% isi rumah (household) di negara ini mempunyai set televisyen.
- 1.6 Lanskap industri penyiaran televisyen di Negara Brunei Darussalam pada masa ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:
 - a. Saluran *Free-to Air* – RTB (dengan 5 saluran) dan pelancaran Terrestrial TV yang dapat diterima;
 - b. Saluran *Pay-TV* – Melalui saluran Kristal Astro; dan
 - c. TVRO (atau parabola).
- 1.7 Amalan-amalan terbaik antarabangsa pula sangat menitik beratkan akan perlunya ada kawalan media memandangkan media boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seseorang secara langsung atau tidak langsung.
- 1.8 Isu utama berkenaan dengan sistem TVRO ialah rancangan-rancangan yang boleh diterima melalui peralatan tersebut adalah diluar daripada kawalan pihak

Kementerian Perhubungan selaku pihak authority ehwal penyiaran Negara Brunei Darussalam.


1.9 Tujuan utama Kertas Konsultasi ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan juga maklumbalas daripada orang ramai, agensi-agensi kerajaan dan juga industri mengenai dengan cadangan dasar Kementerian Perhubungan berkenaan penggunaan sistem Television Receive Only (TVRO) atau yang lebih dikenali dengan Parabola di Negara Brunei Darussalam.

2 Latarbelakang Sistem TVRO di Negara Brunei Darussalam

2.1 Dibawah Akta Penyiaran (Penggagal 180), *sistem TVRO bermakna sebarang alat (termasuk parabola) atau sebarang gabungan alat yang dapat menerima secara langsung sebarang bahan siaran yang dipancarkan dari atau melalui sebarang satelit perhubungan atau siaran di ruang angkasa luar wilayah.*

2.2 Sistem TVRO mula diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada awal tahun 1990an. Penggunaannya juga adalah terhad kepada premis-premis tertentu sahaja seperti tempat kediaman VVIP, VIP, Kedutaan dan sebagainya. Yuran lesen bagi system TVRO pada ketika itu adalah sebanyak B\$2400.00 setahun.

2.3 Dari masa kesemasa yuran bagi system TVRO ini digubal sehinggalah sekarang yuran bagi sistem TVRO ini adalah sebanyak B\$360.00 setahun bagi premis persendirian. Perubahan yuran lesen bagi system TVRO in dapat dilihat seperti didalam rajah berikut:



2.4 Tugas-tugas pengawalseliaan bagi sistem TVRO ini telah mula diambil alih oleh Kementerian Perhubungan pada 21 Mei 2008, berikutan dengan pemindahan Akta Penyiaran (Penggagal 180) daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Perhubungan.

2.5 Yuran tahunan lesen TVRO adalah seperti berikut:

	Premis	Yuran Lesen Setahun
1	Persendirian	B\$360.00
2	Restoran	B\$500.00
3	Hotel dan apartment	B\$1200.00

Lesen Penjual	B\$1500.00 setahun
---------------	--------------------

2.6 Secara asasnya, sistem TVRO boleh menerima apa jua siaran televisyen daripada *broadcaster* antarabangsa yang mempunyai liputan *termasuk* Negara Brunei Darussalam. Siaran daripada *broadcaster* antarabangsa ini juga tidak dapat ditapis atau dikawal kerana ianya adalah diluar daripada bidang kuasa pihak Kementerian Perhubungan selaku authority bagi ehwal penyiaran Negara Brunei Darussalam.

2.7 Salah satu tujuan TVRO diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam adalah untuk memberikan pilihan kepada orang ramai kerana sebelum itu, rangkaian yang ada hanyalah melalui rangkaian RTB (2 saluran).

2.8 Perlesenan B\$360.00 diperkenalkan adalah sebagai salah satu langkah (deterrent) untuk mengelakkan persepsi orang ramai tentang TVRO adalah satu keperluan asas (seperti perkhidmatan elektrik dan air) tetapi lebih kepada keperluan kemewahan (luxury), iaitu kepada sesiapa yang mampu untuk memilikinya sahaja. Selain itu perlesenan ini juga diperkenalkan bagi mengelakkan TVRO untuk bersaing secara langsung dengan *broadcaster* tempatan yang rasmi seperti RTB dan Kristal Astro, walaupun perlesenan peralatan TVRO masih dikira lebih murah daripada berlanggan dengan Kristal ASTRO.

2.9 Perlesenan B\$360 juga diperkenalkan bagi menampung semula perkara-perkara yang dilepaskan seperti frekuensi dan sebagainya.

3 Amalan-amalan Terbaik Antarabangsa Mengenai TVRO

3.1 Amalan-amalan terbaik antarabangsa sangat menitik beratkan akan perlunya ada kawalan media memandangkan media boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seseorang secara langsung atau tidak langsung.

3.2 Hasil daripada penelitian yang dibuat, hanya Negara Brunei Darussalam sahaja yang mengamalkan dasar open sky policy. Negara-negara jiran seperti Malaysia dan Singapura tidak mengamalkan dasar "Open Sky Policy", iaitu sistem TVRO tidak dibenarkan untuk orang ramai dan hanya agensi-agensi dan pihak-pihak tertentu (seperti institusi kewangan, institusi media, kedutaan, badan-badan berkanun, hotel-hotel dan institusi pengajian tinggi) sahaja yang dibenarkan

untuk menggunakan/memiliki TVRO dengan akses yang terhad kepada saluran-saluran yang dibenarkan.

3.3 Bagi negara-negara seperti Indonesia, Hong Kong, Australia, United Kingdom, India dan China, hanya saluran-saluran yang diberikan lesen oleh negara-negara berkenaan sahaja yang dibenarkan.

3.4 Negara-Negara antarabangsa mengenakan sekatan (restriction) terhadap pemancaran dan penerimaan isi kandungan rancangan Televisyen yang disiarkan. Ini adalah bagi mengelakkan isi kandungan yang bercanggah dengan kepentingan negara tersebut untuk mempengaruhi pengguna media dinegara tersebut.

3.5 Negara-negara diatas juga mempunyai beberapa perkhidmatan penyiaran alternatif dalam bentuk *Free to Air* atau *Pay TV* tempatan yang boleh memberikan berbagai-bagai rancangan untuk pilihan orang ramai.

Soalan 1

- a. Apakah pandangan biskita mengenai dengan dasar TVRO yang sedia ada?
- b. Adakah Dasar Open Sky policy ini patut untuk diteruskan bagi negara Brunei Darussalam ?

4 Perbandingan Pilihan Saluran Free-To-Air dan Pay-TV Bagi Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura

	Brunei	Malaysia	Singapura
Saluran Free-to-Air	i) RTB (5 Channels)	i) RTM (2 Channels) ii) Media Prima (4 Channels)	i) MediaCorp (8 Channels)
Saluran Pay-TV	i) Kristal ASTRO (DTH)	i) ASTRO (DTH) ii) UniFi (IPTV)	i) SCV (Cable TV) ii) MioTV (IPTV)

Soalan 2

- a. Adakah pilihan-pilihan ini sudah mencukupi?
- b. Apakah pandangan biskita mengenai dengan pilihan-pilihan program yang sedia ada?

5 Peranan Kementerian Perhubungan Di bawah Akta Penyiaran (Penggala 180)

Di bawah bahagian II Bab 3 (3)

The Minister shall have the the following duties –

- (a) to regulate the broadcasting industry so as to achieve an adequate and comprehensive range of broadcasting services which serve the interest of the general public;*
- (b) to ensure that the broadcasting services provided by the licenses are maintained at a higher standard in all respects and, in particular, in respect of their content, with quality, proper balance and wide range in their subject-matter, having regard both to broadcasting services as a whole and also to the days of the week which, and the times of the day at which, such broadcasting services are broadcast; and*
- (c) to ensure that nothing is included in any broadcasting service which is against the public interest or national harmony which offends good taste or decency;*

6 Isu-isu Utama yang Berkaitan Dengan TVRO

Isu-isu utama yang berkaitan dengan TVRO adalah seperti berikut:

- i. Isi kandungan rancangan-rancangan yang disiarkan dan diterima melalui sistem TVRO yang tidak dapat dikawal dan ditapis kerana ianya diterima secara *free-to-air* dan diluar daripada bidang kuasa pihak Kementerian Perhubungan selaku pihak authority ehwal penyiaran Negara Brunei Darussalam;
- ii. Rancangan atau program yang disiarkan didalam sistem TVRO tidak dapat dikawal atau diolah untuk membantu kesesuaian penyiaran. Sumber program-program tersebut juga tidak diketahui asal-usulnya;
- iii. Sistem TVRO ini juga sukar untuk dipantau dan dikuatkuasakan kerana rancangan-rancangan yang diterima adalah *free-to-air* dari satelit antarabangsa. Teknologi masa kini juga tidak berupaya untuk mengesan sistem TVRO yang beroperasi secara haram (*illegal operation*); dan
- iv. Rancangan-rancangan yang disiarkan dan diterima melalui TVRO tidak dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri penyiaran tempatan kerana ianya adalah bukan milik *broadcaster* rasmi tempatan yang berdaftar seperti Radio Televisyen Brunei (RTB) dan

juga Kristal Astro. Malah sebaliknya ianya boleh menjadi saingan secara tidak langsung kepada *broadcaster* tempatan.

7 Isu-isu Tambahan Yang Berkaitan Dengan TVRO

- i. Isu-isu tunggakan hasil disebabkan oleh kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan sejak sistem ini diperkenalkan pada awal tahun 1990an.
- ii. Juga turut didapati jumlah sistem TVRO yang di impot ke Negara ini tidak selaras dengan jumlah lesen pengguna TVRO yang dikeluarkan. Perkara ini telah didapati disebabkan oleh kecuaiian penjual-penjual peralatan ini memastikan pelanggan yang membeli perlatan ini mendapatkan lesen terlebih dahulu sebelum ianya boleh dijual kepada orang ramai. Sebagai tambahan, ada juga yang membawa masuk peralatan ini secara haram melalui negara-negara jiran.

Soalan 3

- a. Adakah biskita bersependapat dengan isu-isu yang telah dibangkitkan?
- b. Adakah biskita bersependapat dengan kebimbangan Kementerian perhubungan mengenai dengan rancangan-rancangan yang disiarkan didalam sistem TVRO dan impaknya kepada penontonnya khususnya kanak-kanak?
- c. Adakah biskita bersetuju yang rancangan yang disiarkan didalam sistem TVRO tidak dapat menyumbang kepada pertumbuhan Industri tempatan?
- d. Adakah biskita tidak bimbang melihat pertumbuhan industri penyiaran tempatan?

8 Cadangan Dasar

Berasaskan kepada perkara-perkara diatas dan tanda aras antarabangsa mengikut kesesuaian Negara Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan berhasrat untuk mengenalkan satu dasar bagi penggunaan TVRO di Negara Brunei Darussalam seperti perkara-perkara berikut:

- i. Penghapusan secara berfasa dalam tempoh lima (5) tahun bagi penggunaan sistem TVRO di Negara Brunei Darussalam iaitu menuju kearah dasar "*no open sky policy*". Tempoh lima (5) tahun dianggap bersesuaian kerana mengikut *trend* semasa, sebarang peralatan elektronik itu akan menjadi *obsolete* dalam tempoh tiga (3) ke lima (5) tahun. Dalam tempoh tersebut perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran alternatif dalam bentuk *Internet*

Protocol Television (IPTV) juga dijangka akan diperkenalkan sebagai salah satu pilihan kepada orang ramai;

- ii. Sistem TVRO dengan saluran-saluran yang terhad sahaja akan dibenarkan kepada agensi-agensi atau premis-premis yang dapat menunjukkan keperluan untuk mengakses maklumat *time sensitive* bagi maksud perniagaan atau operasi seperti:
 - a. *Broadcasters*;
 - b. Institusi Kewangan yang diiktiraf Kerajaan;
 - c. Institusi Media yang diiktiraf Kerajaan;
 - d. Kedutaan-Kedutaan di Negara Brunei Darussalam;
 - e. Hotel-Hotel yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam;
 - f. Badan-Badan berkanun Kerajaan;
 - g. Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf Kerajaan; dan
 - h. Institusi Perubatan yang diiktiraf Kerajaan.
- iii. Bagi pelaksanaan dasar ini, semua pengimpotan baru akan dibekukan kecuali bagi pengimpotan untuk premis-premis atau agensi yang dinyatakan didalam perenggan (ii) diatas;
- iv. Pada masa yang sama, pengenalan perkhidmatan penyiaran alternatif dalam bentuk IPTV dan perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran yang lebih kompetitif dan menarik adalah perlu bagi memberikan pilihan pada orang ramai; dan
- v. Pihak Kementerian Perhubungan dan AITI akan bekerjasama dengan *broadcasters* tempatan untuk memperkembangkan lagi *production houses* tempatan dan seterusnya memperbaiki lagi mutu rancangan-rancangan yang akan disiarkan di negara ini.


Soalan 4

- a. Adakah biskita bersetuju dengan cadangan-cadangan dasar diatas? Jika tidak sila nyatakan kenapa?
- b. Adakah yuran lesen bagi perkhidmatan TVRO perlu untuk dikaji semula?
- c. Apakah kebimbangan biskita jika sekiranya sistem TVRO dibendung di Negara Brunei Darussalam?
- d. Apakah kerugian Negara jika sekiranya sistem TVRO dibendung di Negara Brunei Darussalam?
- e. Apakah pandangan biskita jika sekiranya Negara Brunei Darussalam mempunyai syarikat penyiarnya sendiri?

9 Tujuan Utama Dasar

Tujuan utama dasar ini nanti adalah untuk menjadikan industri penyiaran di negara ini lebih teratur, kompetitif, dinamik, vibran, terkawal, mempunyai identiti tersendiri dan memenuhi citarasa awam. Cadangan dasar baru ini juga bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri penyiaran tempatan dan seterusnya menambahkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara ini.

10 Pelan Perlaksanaan



Soalan 5

- Adakah biskita bersetuju dengan pelan pelaksanaan diatas?
- Rancangan apakah yang patut untuk disiarkan oleh broadcaster tempatan untuk menarik penonton tempatan.
- Bagaimanakah cara yang terbaik untuk meningkatkan lagi pertumbuhan industri penyiaran tempatan?

11 Ulasan Bagi Kertas Konsultasi

11.1.1 Bagi pihak Kementerian Perhubungan untuk memahami lagi dengan lebih mendalam akan keperluan pelbagai pihak yang berkepentingan mengenai dengan isu-isu yang berkaitan dengan sistem TVRO, pihak Kementerian Perhubungan mengalu-alukan sebarang ulasan, pandangan dan maklumbalas daripada industri dan orang ramai mengenai dengan cadangan dasar Kementerian Perhubungan berkenaan penggunaan sistem Television Receive Only (TVRO) atau yang lebih dikenali dengan Parabola di Negara Brunei Darussalam.

11.1.2 Pihak industri dan orang ramai juga dialu-alukan untuk membentangkan sebarang pandangan dan ulasan mengenai dengan isu-isu berkaitan dengan Dasar Sistem TVRO yang tidak terkandung didalam kertas konsultasi ini.

11.1.3 Sebarang responden dikehendaki untuk memasukkan butir-butir peribadi/syarikat serta alamat dan semua pandangan dan ulasan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan dialamatkan kepada:

Unit Multimedia
Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

[UP: Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim]
Tel: +6732323232

atau email kepada

(hairul.karim@aiti.gov.bn) atau (aliimran.osman@mincom.gov.bn)

11.4 Tarikh tutup untuk menghantar sebarang komen dan ulasan bagi kertas konsultasi ini adalah pada 2 June 2012.

11.5 Pandangan-pandangan yang dikemukakan didalam kertas konsultasi ini adalah pandangan awal (preliminary views) Kementerian Perhubungan bagi tujuan konsultasi dan tidak semestinya menunjukkan dasar ataupun keputusan yang akan dibuat mengenai dengan isu ini.